SAMPEL PERCUMA

Soalan Esei Sejarah Tingkatan 2 + Panduan Penskoran

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 9 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 1 : KERAJAAN ALAM MELAYU

SOALAN ESEI - TINGKATAN 2			
TEMA : Warisan Negara	**TAJUK :** Kerajaan Alam Melayu	**SK : 5.1 -** Kerajaan Alam Melayu	**SP:** *5.1.1* **K:** *5.1.5*

1. Peta di bawah menunjukkan kawasan kerajaan Alam Melayu. *(m/s 4 –m/s 13)*



(a) Jelaskan konsep Alam Melayu dari aspek :
(i) Geografi (3 Markah)

(ii) Bahasa (3 Markah)

(b) Setiap kerajaan Alam Melayu akan mengalami tahap kemasyhuran dan kemerosotannya.
Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, huraikan tahap kemasyhuran kerajaan Alam Melayu berikut

(i) Kerajaan Srivijaya (3 markah)

(ii) Kerajaan Majapahit (3 Markah)

(c) Lembah sungai merupakan lokasi utama pembentukan kerajaan Alam Melayu dan tamadun lain seperti Tamadun Rom, Tamadun Yunani, Tamadun India dan Tamadun China.

Pada pendapat anda, apakah keistimewaan lokasi tersebut sehingga membawa kepada kegemilangan kerajaan Alam Melayu? (8 Markah)

PANDUAN PENSKORAN – BAB 1 : KERAJAAN ALAM MELAYU

No. Soalan	Jawapan	Markah
1 (a) (i)	F1 Meliputi kawasan dari Madagaskar ke Tanah Melayu/ Papua New Guinea/ Australia/ New Zealand/ Kepulauan Pasifik/ Taiwan	1
	F2 Meliputi selatan Vietnam/ Kemboja/ selatan Myanmar/ Segenting Kra/ Malaysia/ Indonesia/ Brunei/ Filipina	1
	F3 Meliputi Tanah Melayu hingga Tenasserim/ Kepulauan Nicobar/ Filipina/ Kepulauan Solomon hingga Papua New Guinea	1
	F4 Meliputi Malaysia/ Indonesia/ Brunei/ Singapura/ selatan Thailand/ Filipina/ Indochina/ selatan Myanmar	1
	F5 Kini, Alam Melayu merupakan sebahagian daripada Asia Tenggara	1
	(mana-mana 3 x 1)	***[3 markah]***
1 (a) (ii)	Penggunaan bahasa serumpun yang dikaitkan dengan	1
	F1 bahasa Melayu	
	Bahasa serumpun mempunyai perkaitan dengan bahasa	1
	F2 etnik peribumi	
	Mempunyai persamaan melalui kata-kata tertentu	1
	F3 Seperti empat/ papat/ ampat/ pat/ apat / lima/ limo/ limah/	1
	F4 limo	
	(mana-mana 3 x 1)	***[3 markah]***
1 (b) (i)	Berjaya menakluk Sumatera/ selatan Myanmar/ Tanah	1
	F1 Melayu/ Segenting Kra semasa pemerintahan Sangramadhananjaya	
	Menguasai jalan laut antarabangsa/ Selat Melaka/ Selat	1
	F2 Sunda	
	Menjadi pusat perdagangan utama di Alam Melayu	1
	F3 Menjadi pusat pengajian agama Buddha	1
	F4 ***(mana-mana 3 x 1)***	***[3 markah]***
1 (b) (ii)	Pelantikan Patih Gajah Mada sebagai Perdana Menteri	1
	F1 Patih Gajah Mada mengembalikan keamanan dan	1
	F2 keselamatan kerajaan Majapahit	
	Patih Gajah Mada meluaskan tanah jajahannya ke timur Pulau	1
	F3 Jawa/ pesisir pantai timur Sumatera/ pesisir selatan dan barat Pulau Borneo/ bahagian selatan dan timur Sulawesi/ Kepulauan Maluku	
	Menjadi pusat perdagangan	1
	(mana-mana 3 x 1)	***[3 markah]***
1 (c)	F1 Memastikan kelangsungan hidup manusia	
	H1a - mendapat bekalan makanan	
	C1a - seperti ikan/ hasil laut	
	H1b - mendapat bekalan air untuk kegunaan harian	
	H1c - mempunyai saliran yang dapat mengairi kawasan pertanian	
	C1c - Contoh, dalam Kerajaan Majapahit Sungai Bengawan Solo/	
	C1c Sungai Brantas membekalkan air untuk padi sawah	
	F2 - memudahkan perhubungan dan pengangkutan	
	H2a - untuk mengangkut hasil pertanian	
	H2b - untuk berhubung dengan masyarakat luar	
	H2c - tanah yang subur	
	(Mana-mana jawapan munasabah)	***[8 markah]***

BAB 2 : SISTEM PEMERINTAHAN DAN KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT KERAJAAN ALAM MELAYU

SOALAN ESEI - TINGKATAN 2			
TEMA : Warisan Negara	**TAJUK :** Kerajaan Alam Melayu	**SK** : **5.2 -** Warisan Kerajaan Alam Melayu	**SP:** *5.2.1* **K:** *5.2.7*

1. Kerajaan Alam Melayu mengamalkan sistem beraja. Sistem beraja ini terbahagi kepada dua iaitu pusat dan wilayah. *(m/s 26 –m/s 27)*

   (a) Jelaskan ciri-ciri sistem pemerintahan:

   (i) Kerajaan Funan (3 Markah)

   (ii) Kerajaan Srivijaya (3 Markah)

   (b) Raja berada di puncak pemerintahan dalam sistem beraja.
   Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, buktikan bagaimana seseorang raja menunjukkan kekuasaan dan mengukuhkan kedudukannya dalam kerajaan Alam Melayu ? (6 Markah)

   (c) Prinsip yang berikut ialah prinsip kedua Rukun Negara.

Kesetiaan kepada raja dan negara

   Sebagai warganegara Malaysia, bagaimanakah anda merealisasikan prinsip rukun negara di atas? (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 2			
TEMA : Warisan Negara	**TAJUK :** Kerajaan Alam Melayu	**SK : 5.2 -** Warisan Kerajaan Alam Melayu	**SP:** *5.2.2* **K:** 5.2.8

2. Gambar di bawah menunjukkan ukiran kapal pada dinding Candi Borobudur yang membuktikan telah wujud pelbagai kegiatan ekonomi dalam kalangan masyarakat kerajaan Alam Melayu. *(m/s 30 –m/s 32)*



   (a) Jelaskan faktor yang membawa kepada perkembangan kegiatan perdagangan di Alam Melayu. (6 markah)

   (b) Hasil laut dan hasil hutan mendapat permintaan tinggi daripada pedagang luar di Alam Melayu.
   Jelaskan. (6 Markah)

(c) Bagaimanakah nilai daripada kegiatan ekonomi masyarakat Alam Melayu dapat diaplikasikan dalam kehidupan rakyat Malaysia? (8 Markah)

BAB 4 : AGAMA, KEPERCAYAAN DAN KEUNIKAN WARISAN MASYARAKAT KERAJAAN ALAM MELAYU

TINGKATAN 2			
TEMA : Warisan Negara	**TAJUK :** Agama, Kepercayaan dan Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu	**SK :** 5.2 - Warisan Kerajaan Alam Melayu	**SP:** *5.2.4* **K:** *5.2.6*

1. Agama Hindu, Buddha dan Islam telah tersebar ke Alam Melayu sebelum abad ke-15.

ms 58-59





(a) Jelaskan perkembangan agama bagi kerajaan berikut:

(i) Kerajaan Champa (3 Markah)
(ii) Kerajaan Srivijaya (3 Markah)

(b) Bincangkan peranan pemerintah kerajaan Majapahit dan Kedah Tua bagi mengembangkan agama dalam masyarakat. (8 Markah)

(c) Di negara kita, keharmonian dalam mengamalkan agama sangat penting. Jelaskan pernyataan tersebut.

(6 Markah)

BAB 5 : KESULTANAN MELAYU MELAKA

TINGKATAN 2			
TEMA : Kesultanan Melayu Melaka Sebagai Asas Kerajaan Masa Kini	**TAJUK :** Kesultanan Melayu Melaka	**SK :** 6.1 - Warisan Kerajaan Alam Melayu	**SP:***6.1.1* **K:** *6.1.4*

1. Gambar berikut menunjukkan undang-undang yang digunakan dalam Kesultanan Melayu Melaka.
ms 78-79



(a) Jelaskan undang-undang yang diperkenalkan oleh Kesultanan Melayu Melayu.
(6 Markah)

(b) Bincangkan undang-undang adat yang digunakan dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. (6 Markah)

(c) Huraikan kepentingan undang-undang bagi sesebuah negara.
(8 Markah)

BAB 6 : KESULTANAN JOHOR RIAU

SOALAN ESEI - TINGKATAN 2			
TEMA : Warisan Negara	**TAJUK :** Kesultanan Melayu Melaka sebagai asas kerajaan masa kini	**SK : 6.2 –** Kesultanan Johor-Riau dan Kerajaan-kerajaan Melayu	**SP:** 6.2.2

1. Kerajaan Johor Riau telah menjadi pusat perdagangan dan pelabuhan yang unggul pada abad ke-16 dan ke-17.*(m/s 104-107)*


   (a) Apakah faktor yang mendorong kemajuan perdagangan kerajaan Johor Riau? (6 Markah)

   (b) Mengapakah pelabuhan Kesultanan Johor Riau menjadi pusat tumpuan pedagang? (6 Markah)

   (c) Huraikan kesan kemajuan perdagangan dan pelabuhan terhadap Kerajaan Johor Riau? (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 2			
TEMA : Warisan Negara	**TAJUK :** Kesultanan Melayu Melaka sebagai asas kerajaan masa kini	**SK : 6.2 –** Kesultanan Johor-Riau dan Kerajaan-kerajaan Melayu	**SP:** 6.2.2

2. Rajah berikut menunjukkan persaingan kuasa yang berlaku dalam Kesultanan Johor Riau.



   (a) Jelaskan persaingan yang berlaku antara kuasa-kuasa tersebut. (6 Markah)

   (b) Bagaimanakah Kesultanan Johor Riau berjaya mengekalkan kedaulatan kerajaannya melalui jalinan hubungan dengan Belanda? (8 Markah)

   (c) Sekiranya anda seorang pemimpin negara hari ini, jelaskan tindakan yang akan anda lakukan bagi menghadapi cabaran yang boleh menggugat kedaulatan negara. (6 Markah)

BAB 9 : WARISAN KERAJAAN KEDAH, KELANTAN, NEGERI SEMBILAN DAN PERLIS

SOALAN ESEI - TINGKATAN 2			
TEMA : Warisan Negara	**TAJUK :** Kesultanan Melayu Melaka sebagai asas kerajaan masa kini	**SK : 6.3 –** Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis	**SP:** *6.3.3*

1. Gambar berikut merupakan istiadat pertabalan diraja. *(m/s 160)*



(a) Jelaskan maksud majlis berikut

(i) Majlis Pemasyhuran (4 Markah)

(ii) Istiadat pertabalan (4 Markah)

(b) Mengapakah Majlis Penganugerahan bintang dan Darjah Kebesaran perlu dilaksanakan di Negara kita? (4Markah)

(c) Sistem pemerintahan beraja harus dikekalkan di Negara kita. Jelaskan penyataan tersebut. (8 Markah)

BAB 10 : SARAWAK DAN SABAH

SOALAN ESEI - TINGKATAN 2			
TEMA : Warisan Negara	**TAJUK :** Kesultanan Melayu Melaka sebagai asas kerajaan masa kini	**SK : 6.4** Sarawak dan Sabah	**SP:** 6.4.1,6.4.2

1. Peta berikut berkaitan dengan kedudukan pemerintahan tempatan di Sabah. *(M.S 182)*



(a) Berdasarkan peta dan pengetahuan sejarah anda, jelaskan sistem kepimpinan kesukuan di Sabah. (4 Markah)

(b) Jelaskan sistem kepimpinan lembah sungai di Sabah.

(i) Wakil raja (4 Markah)

(ii) Ketua bebas (4 Markah)

(c) Sekiranya anda dilantik sebagai ketua masyarakat, apakah usaha anda menjamin pemerintahan yang sistematik dan tersusun? (8 Markah)

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 9 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar